

06/04/2000

Media Malaysia elak kritik Singapura

Hang Nadim

NAMPAKNYA media Singapura terus menyiarkan berita negatif terhadap Malaysia dan pemimpinnya. Minggu lalu kita dikejutkan dengan tulisan kolumnis Chua Lee Hong dalam akhbar bahasa Inggeris The Straits Times yang walaupun memberikan pandangan peribadinya namun ia tidak langsung mengambil kira sensitiviti orang lain dan boleh pula menjejaskan hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Belum pun isu yang dibangkitkan Chua reda, siaran televisyen republik itu pula menghangatkan keadaan dengan mendakwa kononnya Johor diserang wabak penyakit kuku dan mulut. Saya sendiri tidak pula mendengar berita itu kerana ia dikatakan disiarkan hanya dalam bahasa Mandarin. Tidakkah diketahui apa pula muslihat Singapura menyiarkan berita itu kerana setahu saya tidak pernah ada berita mengenai wabak itu berlaku dalam negara sejak akhir-akhir ini. Untuk memburukkan lagi keadaan, rakyat republik itu dinasihati supaya mengelak dari pergi ke Johor. Apa faedahnya menakutkan rakyatnya dari mengunjungi Malaysia khususnya Johor?

Penulisan rencana, berita dan komentar yang memburuk-burukkan imej Malaysia dan menyinggung perasaan rakyat negara ini sangat dikesali dan perlu mendapat perhatian serius kerajaan Singapura yang patut bertindak bagi menjamin hubungan baik dengan negara jiran kalaulah ini yang mereka benar-benar kehendaki. Kerajaan Singapura tidak seharusnya bersikap lepas tangan dan membiarkan wartawan atau medianya menjejaskan hubungan baik antara kedua negara.

Usaha untuk mencampuri urusan politik di sini tidak kita kehendaki dan jelas menunjukkan sikap mereka yang langsung tidak menghargai hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua negara selama ini. Wartawan dan media republik itu nampaknya cenderung membuat ulasan dan laporan yang negatif terhadap pemimpin dan kerajaan Malaysia. Ia seolah-olah mereka sendiri tidak ada cacat celanya. Rakyat Malaysia juga boleh bertindak demikian kalau kita mahu, tetapi kita lebih bersopan.

Apa gunanya kerajaan kedua-dua negara berusaha keras untuk mengeratkan hubungan sedangkan ada pihak khususnya media republik itu dibiarkan sesuka hati melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan hubungan baik dengan menulis sesuka hati tanpa memikirkan kesan buruknya. Sepatutnya media Singapura bersikap lebih bertanggungjawab untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang supaya hubungan mesra dan kerjasama ini dapat dinikmati oleh semua pihak.

Saya hairan kenapa wartawan The Straits Times itu telah mempertikaikan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikatakan sudah terlalu lama memerintah Malaysia dan parti Barisan Nasional telah menerajui kerajaan sejak merdeka lagi. Tetapi apakah tidak tujuan sebenarnya Chua ialah mahu mempertikaikan People's Action Party yang memerintah republik itu terus menerus sejak ia merdeka lagi pada tahun 1965 serta juga kewujudan Lee Kuan Yew yang menjadi Perdana Menteri Singapura begitu lama sehingga diambil alih oleh Goh Chok Tong hanya beberapa tahun lalu? Malah hingga hari ini pun Lee Kuan Yew masih berkuasa walaupun dari belakang.

Bagaimanakah pula dengan pelantikan anak sulung beliau, Brig Lee Hsien Loong sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tidakkah wujud nepotisme dalam Kabinet Singapura? Setidaknya Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957 sudah pun mempunyai empat orang Perdana Menteri.

Nampaknya cara Malaysia menyelesaikan kegawatan ekonominya juga menjadi sasaran Chua dan The Straits Times. Kita juga boleh mempersoal

kepemimpinan dan pengurusan ekonomi Singapura.

Media Singapura harus sedar bahawa politik Malaysia dan Singapura sangat berbeza. Cara kerajaan Malaysia menangani pelbagai masalah tentunya tidak sama dengan cara yang dilakukan di Singapura yang hanya berupa sebuah kerajaan pulau. Banyak faktor dan senario politik semasa yang berbeza. Politik Malaysia membabitkan banyak parti dan penduduk pelbagai etnik selain Melayu, Cina dan India. Ia memerlukan pendekatan yang sesuai dan diterima oleh semua pihak. Keadaan ini berbeza dengan Singapura yang ditadbir oleh satu parti politik dan penduduknya pula 90 peratus terdiri dari keturunan Cina.

Kita di Malaysia kalau mahu boleh juga menyoal cara Singapura menangani rakyat Melayunya yang berupa penduduk asal pulau itu. Jika dibandingkan dari segi amalan kebebasan, demokrasi dan hak bersuara Malaysia memang nyata lebih banyak mengamalkannya daripada Singapura yang lebih mengongkong dan ketat. Keadaan ini perlu dilihat secara jujur dan realistik tanpa dipengaruhi oleh agenda jahat atau mempunyai motif tertentu.

Sudah sampai masanya pihak di Singapura khususnya wartawan dan medianya yang dikatakan bebas menulis apa jua pandangan mereka mengenai Malaysia, sedar dan insaf mengenai realiti keadaan politik kedua-dua negara dan menghormati sensitiviti orang lain. Mereka perlu berusaha menghormati cara dan pilihan orang lain demi kebaikan bersama dan generasi akan datang. Tidak ada gunanya wartawan sering mencari keburukan negara jiran sedangkan di negara mereka sendiri ada pelbagai kepincangan dan keburukan yang tidak berani mereka dedahkan.